



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

CALON-CALON ADALAH DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN SEPERTI BERIKUT :

NAMA PERKHIDMATAN	:	PEGAWAI TADBIR	
KLASIFIKASI	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	
TARAF JAWATAN	:	TETAP	
JADUAL GAJI	:	GREDE N41	
		Gaji Minimum	Gaji Maksimum
		RM 2,080.00	RM 9,546.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - a. warganegara Malaysia ;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
 - c. (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM2,080.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM2,283.43);

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred B) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil

Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Penghulu, Penolong Pengurus Asrama, Penolong Pegawai Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah adalah layak dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
 - (a)
 - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan;
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pengarah berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

KEUTAMAAN

6. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai:
 - a) pengalaman / kelayakan bidang Pengurusan Logistik dan Pengangkutan dalam industri pelabuhan;
 - b) boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan fasih; dan
 - c) aktif dan cergas dalam sukan.

CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Pelabuhan Johor (<http://www.lpj.gov.my>) dan borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke :

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JALAN MAWAR MERAH 2,
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2
81707 PASIR GUDANG**

Semua permohonan hendaklah lengkap dengan **Salinan Sijil, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran yang disahkan**

Tarikh tutup : **15 Disember 2016**

* **Calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.**

